

TEKS UCAPAN

YB DATUK DR. EWON EBIN

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Majlis Apresiasi MOSTI 2015

14 Mei 2015 (Khamis)

Hotel Marriott Putrajaya

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis

YB. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YBHG. DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR

Ketua Setiausaha, MOSTI

YBHG. DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YBRS. DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

YBRS. ENCIK MOHD YUSRI MOHD YUSOFF

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Apresiasi MOSTI 2015

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan Ketua-Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI,

Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) serta tuan-tuan dan puan-puan warga MOSTI yang saya hormati.

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1MOSTI,

PENDAHULUAN

1. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan keluarga besar MOSTI pada hari yang indah ini untuk meraikan pegawai daripada Ibu Pejabat dan Jabatan di bawah MOSTI yang telah mempamerkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2014 dalam Majlis Apresiasi MOSTI 2015.

2. Terima kasih kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan seterusnya menyempurnakan Majlis Apresiasi 2015 pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen semua pada hari ini jelas menunjukkan bahawa kita sentiasa bersatu dan bersama dalam memacu perjalanan Kementerian ini, khususnya dalam merealisasikan visi dan misi MOSTI untuk menjadi peneraju dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara.

PENGHARGAAN

Para hadirin sekalian,

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada hari ini, kita sama-sama memberikan **pengiktirafan kepada 348 orang pegawai pelbagai peringkat gred jawatan dan skim dari MOSTI dan Jabatan** di bawah MOSTI. Pengiktirafan ini adalah sebagai penghargaan kementerian atas sumbangan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2014. Sekalung tahniah kepada tuan/puan yang telah **diiktiraf sebagai pegawai kerajaan yang berdedikasi dan penjawat awam yang cemerlang yang melayakkan tuan/puan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC).**

4. Selain daripada penerima-penerima anugerah ini, sesungguhnya, **keseluruhan warga kerja MOSTI juga telah memberikan perkhidmatan terbaik** seperti yang telah dibuktikan dengan pencapaian kita selama ini, sebagaimana yang saya telah kongsi bersama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam sesi Penyampaian Amanat 2015 yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 24 Februari 2015 lalu.

5. Sekadar **mengimbas kembali anugerah-anugerah yang diterima** seperti Anugerah Pengiktirafan Ikon Pengurusan Projek 2014 (MOSTI), *Plants Mutation Breeding Award* daripada *International Atomic Energy Agency* (Agensi Nuklear Malaysia), Anugerah

Kecemerlangan Geospatial (Jabatan Meteorologi Malaysia), Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Agensi Remote Sensing Malaysia), pingat emas di *National Innovation and Invention Competition through Exhibition* dan *International Innovation, Design and Articulation 2014* (Agensi Angkasa Negara) dan *Global Level in the Global CyberSecurity Index* (CyberSecurity Malaysia).

6. Juga, tidak lupa pada **pencapaian tahap KPI 134%** dalam prestasi 'core-business' MOSTI di mana, YAB Perdana Menteri pada 28 April 2015 lalu telah melancarkan **Laporan Tahunan *National-Transformation Programme 2014*** yang mengandungi 2 buah laporan iaitu *Government Transformation Programme* (GTP) dan *Economic Transformation Programme* (ETP), kedua-duanya mengandungi pencapaian KPI di sepanjang tahun 2014 yang telah disumbangkan oleh sektor awam dan swasta, **termasuk sumbangan jabatan dan agensi di bawah MOSTI.**

7. **Syabas dan tahniah** saya ucapkan atas sumbangan semua pihak. Saya percaya, perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti yang disebutkan tadi tidak akan tercapai tanpa usaha, komitmen, dedikasi dan pengorbanan YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan semua. Marilah kita meneruskan kecemerlangan ini bagi tahun 2015 dengan perancangan dan langkah yang lebih bergaya bagi mencapai amanah yang diberikan kepada kita terutama melalui bajet tahun 2015 serta Rancangan Malaysia Ke-11 akan datang.

KEJAYAAN MOSTI

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Dalam hal ini, kita menyaksikan beberapa program utama MOSTI telah diadakan antaranya **Persidangan Dan Pameran BioBorneo 2015** yang diadakan di Sabah. Program ini adalah sebagai menyokong fasa kedua dalam Dasar Bioteknologi Negara iaitu penumpuan kepada usaha-usaha pengkomersilan hasil R&D. Ini adalah selaras dengan hasrat yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri kita dalam Ucapan Bajet 2015 di mana kerajaan mensasarkan pengkomersilan 360 produk berinovatif yang berimpak tinggi dalam tempoh lima tahun. Pelaksanaan dasar ini akan terus dimantapkan dalam membina strategi khusus dan bersepadu bagi Malaysia untuk memastikan negara kita mendapat manfaat dari bidang berasaskan bio.

9. MOSTI juga telah melaksanakan empat (4) siri Program **Karnival Kreativiti & Science4u** mengikut zon iaitu peringkat Zon Selatan di Negeri Sembilan, peringkat Zon Utara di Pulau Pinang, peringkat Zon Tengah di Putrajaya dan terkini peringkat Zon Sabah di Tambunan pada 30 April hingga 1 Mei 2015 lalu. Seterusnya program ini akan diadakan di peringkat Zon Timur di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu pada 19 hingga 22 Ogos 2015 dan Zon Sarawak pada 20 hingga 22 September 2015, di Waterfront, Kuching, Sarawak.

SAINS DAN TEKNOLOGI TUNJANG EKONOMI NEGARA

MOSTI SOCIAL INNOVATION (MSI)

10. Untuk makluman tuan/puan, semasa Program Karnival Kreativiti & Science4u Zon Tengah di Putrajaya lalu, saya telah **memperkenalkan MOSTI SOCIAL INNOVATION** atau singkatannya **MSI**. MSI adalah berteraskan program jangkau luar (outreach) ke peringkat akar umbi meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial (*meeting unmet social needs*). Fakta menunjukkan bahawa majoriti program inovasi sosial yang berjaya di dalam dan luar negeri adalah yang melibatkan kerjasama erat antara individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta. Sehubungan dengan itu, MSI yang merupakan salah satu cabang inovasi diharapkan boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasakan oleh rakyat, bukan sahaja akan memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak.

OBB STRATEGIC WALKABOUT MOSTI 2015

11. Seperti yang para hadirin sedia maklum, **Majlis Apresiasi MOSTI 2015** hari ini diadakan bersekaian dengan **OBB Strategic Walkabout MOSTI 2015**. Ini merupakan satu langkah yang sangat baik yang mana kita menggabungkan dua acara besar dalam satu hari.

12. MOSTI merupakan salah satu daripada enam (6) Kementerian yang dipilih dalam Inisiatif '*Selected Ministries*' yang bertujuan untuk memperhalusi maklumat Kerangka Keberhasilan, menyemak semula Struktur Program-Aktiviti OBB (*Outcome Based Budgeting*), mempertingkatkan kapasiti kementerian dan mengaplikasikan OBB secara berkesan.

13. Sehubungan dengan itu, melalui *OBB Strategic Walkabout* MOSTI 2015 ini, YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan boleh **mengemukakan komen, cadangan dan maklum balas** tentang Kerangka Keberhasilan yang telah dibangunkan tersebut. Selain itu, program ini yang juga bertujuan untuk **memberi hebahan dan pengetahuan** kepada seluruh warga MOSTI tentang matlamat dan hala tuju Kementerian, khususnya dari segi *outcome* dan KPI yang disasarkan agar dapat mencapai matlamatnya. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/ Puan yang hadir dalam Majlis Apresiasi MOSTI 2015 ini amat bertuah kerana mendapat *first hand input* berkaitan Kerangka Keberhasilan yang telah dibangunkan tersebut melalui *OBB Strategic Walkabout* MOSTI 2015 yang akan berlangsung hingga petang ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

14. Selaras dengan usaha untuk memantapkan fungsi dan peranan selaku peneraju agenda STI negara, **MOSTI telah membentangkan**

Rang Undang-Undang Teknologis dan Juruteknik 2014 dan diluluskan di Dewan Negara pada **23 April 2015** sebelum diluluskan menjadi **Akta Teknologis dan Juruteknik 2014** yang mana akan memberi laluan kepada penubuhan **Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)**. Penubuhan MBOT akan memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan memperkasa pendidikan teknik dan latihan vokasional (TEVT) selain memberi peluang pengiktirafan kepada lebih kurang 400,000 graduan teknologi kejuruteraan, pengiktirafan kepada 400,000 lulusan politeknik serta lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

15. MBOT yang diusahakan oleh MOSTI ini bakal menjadi *signatory* dalam bidang teknologi dan teknikal yang berkaitan bagi memastikan teknologis serta juruteknik yang dihasilkan di negara ini menepati standard antarabangsa dan mampu bersaing di peringkat global.

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan

PENGANJURAN NICE

16. Tahun ini MOSTI sekali lagi akan **menganjurkan *National Innovation Conference and Exhibition (NICE)***. NICE 2015 akan diadakan satu minggu dari sekarang iaitu **pada 21 hingga 23 Mei 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)**. Program tahunan MOSTI semenjak tahun 2006 ini merupakan platform strategik untuk bertukar ilmu, pendapat serta pengalaman

luas dalam inovasi serta membincangkan isu-isu yang berkaitan untuk mempromosikan agenda nasional dan serantau. Kejayaan penganjuran NICE 2014 telah menjadi titik tolak kepada penganjuran pada skala yang lebih besar dengan penyertaan pelbagai peserta dari dalam dan luar negara pada tahun ini.

17. Dan di samping penganjuran NICE, **Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2015 turut dipertandingkan** yang mana AIN bertujuan untuk mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti yang menjana idea, ciptaan dan produk baru dalam sains dan teknologi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Penganjuran NICE adalah antara program tahunan MOSTI yang sangat berprestij dan dinantikan kehadirannya dan sama-sama kita menjayakannya.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. **Tahniah sekali lagi** saya ucapkan kepada MOSTI, semua Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI yang telah bersama-sama berusaha demi kemajuan sains, teknologi dan inovasi negara. **Teruskan usaha untuk mencapai kecemerlangan**, kejayaan tidak akan ada penamatnya kerana ia merupakan satu usaha yang berterusan. Apabila kita mencapai satu tahap yang cemerlang, terdapat tahap yang lebih tinggi lagi yang perlu dicapai. Marilah kita **sama-sama terus beriltizam untuk bekerja dengan penuh**

dedikasi sebagai satu pasukan yang mantap dan jitu serta meningkatkan permuafakatan dan prestasi demi masa depan organisasi dan negara yang lebih gemilang.

19. Akhir kata, sekali lagi saya ingin **mengucapkan sekalung tahniah kepada semua penerima anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** serta seluruh warga MOSTI termasuklah dari Jabatan dan Agensi MOSTI kerana telah berjaya melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2014.

Sekian, terima kasih.